

27/07/1997

Operasi MSC hasilkan RM62.5b

KUALA LUMPUR: Industri multimedia di Koridor Raya Multimedia (MSC) dijangka menyumbangkan perolehan sebanyak RM62.5 bilion kepada negara selepas lima tahun beroperasi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kajian yang dilakukan Sumitomo Corporation mendapati industri multimedia dalam MSC mempunyai potensi untuk meningkatkan pendapatan perkapita negara (GDP) di antara tiga dan empat kali ganda menjelang tahun 2020.

"Ini menunjukkan industri berkenaan menyediakan peluang perniagaan yang terbuka luas kepada semua pihak untuk menerokainya serta mampu membawa negara menjadi negara maju menjelang 2020," katanya ketika melancarkan 15 Konsep Permohonan Cadangan Tender (CRFP) untuk empat aplikasi perdana MSC di sini, semalam.

Empat aplikasi perdana itu ialah kerajaan elektronik, kad pintar pelbagai guna, sekolah bestari dan teleperubatan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Aplikasi kerajaan elektronik membabitkan penggunaan IT untuk memudahkan urusan di antara orang ramai dan kerajaan, manakala kad pelbagai guna menyenangkan urus niaga dan pengenalan diri.

Aplikasi sekolah pintar pula memanfaatkan IT sebagai alat untuk mempertingkatkan mutu pengajaran serta pembelajaran, dan teleperubatan memudahkan orang ramai memperoleh perkhidmatan kesihatan termasuk melakukan pembedahan secara jarak jauh.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan syarikat terkemuka di dunia dan mampu mencatat keuntungan berjuta-juta ringgit adalah syarikat yang bergiat dalam industri teknologi maklumat (IT).

"Kajian yang dilakukan oleh majalah Forbes juga mendapati antara 100 syarikat terkemuka dan berjaya di Amerika Syarikat sebahagian besarnya adalah syarikat yang terbabit dalam industri IT," katanya.

Menurut Dr Mahathir, manfaat projek perintis ini memang belum dapat dilihat sekarang, tetapi dalam jangka masa panjang ia akan mendatangkan kebaikan kepada rakyat.

Beliau berkata, objektif utama pendekatan CRFP ialah menggalakkan kerjasama dan pemindahan teknologi di antara syarikat IT antarabangsa dan syarikat tempatan, terutama bagi Industri Kecil Sederhana.

(END)